



## Pakej Musim Sejuk 11H 8M EROPAH TIMUR 5 NEGARA JERMAN + REPUBLIK CZECH + SLOVAKIA + HUNGARY + AUSTRIA

BUDAPEST

FRANKFURT

PRAGUE

### PETA GERMANY



### JADUAL ATURCARA PENUH

SP Sarapan Pagi  
MT Makan Tengahari  
MM Makan Malam



Penerbangan



Kapal Persiaran / Feri



Bas Persiaran



#### Hari 1

##### KUALA LUMPUR - ISTANBUL/MUSCAT

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Frankfurt melalui Istanbul/Muscat.



#### Hari 2 MM

##### ISTANBUL/MUSCAT - FRANKFURT - WERTHEIM - KARLOVY VARY

Kembali ke Lapangan Terbang Frankfurt, tetamu akan dibawa melawat mercu tanda popular di kota ekonomi **Frankfurt**, iaitu di sekitar dataran **Romerberg**. Tetamu akan berpeluang untuk berfoto di **The Romer** iaitu dewan bandaraya yang telah wujud sejak tahun 1405 lagi dan pernah menjadi istana singgah Raja Bavaria zaman dahulukala, **St. Paul Church** iaitu sebuah gereja yang pernah menjadi lokasi parlimen Jerman pertama kali bersidang selepas era Perang Dunia ke-2, jambatan **Bridge of Sigh** yang dibina seperti jambatan asal di Venice dan juga **Fountain of Justice**, kawasan kolam air pancur yang pernah menjadi lokasi di mana Raja Bavaria menjalankan percabaran. Bertolak ke **Wertheim Outlet Village** yang terkenal sebagai destinasi beli-belah jenama butik-butik terkenal seperti Armani, Aigner, Boss, CK, Longchamp dan banyak lagi. Bertolak menuju ke destinasi percutian spa terkenal, **Karlovy Vary** di negara Republik Czech. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.



#### Hari 3 SP + MM

##### KARLOVY VARY - PRAGUE

Sarapan pagi di hotel dan memulakan lawatan di bandar Karlovy Vary dengan **Grandhotel Pupp**; hotel mewah bertaraf 5 bintang yang gah dibina pada tahun 1701 yang turut digunakan sebagai lokasi penggambaran siri James Bond Casino Royale, **Hot Spring Colonnades**; pusat utama kolam pancutan air panas semula jadi setinggi 12 meter yang mana tetamu berpeluang merendam kaki untuk merasai kehangatan air panas ini, berfoto di hadapan **Main Post Office** yang dibina pada 1900, **Elizabeth Bath** iaitu sebuah pusat spa yang terkenal kerana senibina Pseudo-Baroque yang menyerupai sebuah istana dan **Smetana Park** di sekelilingnya. Seterusnya meneruskan perjalanan ke kota yang cukup terkenal dengan gelaran Heart of Europe iaitu **Prague**, ibu negara Republik Czech. Sejurus tiba di sana, bersolat di **Prague Mosque** dan kemudian tetamu akan diberi masa bebas untuk membeli-belah dan bersiar-siar di **Wenceslas Square** yang meriah dengan kafe, restoran, kedai cenderamata terutamanya berasaskan kaca Bohemian Glass. Tetamu juga berpeluang berfoto di pusat membeli-belah **Koruna Palace** yang terkenal bumbung panel kacanya yang berwarna-warni. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.



#### Hari 4 SP + MM

##### PRAGUE - BRATISLAVA

Menikmati sarapan pagi di hotel. Lawatan di kota Prague dimulakan dengan melawat antara kompleks istana yang terbesar di dunia, **Prague Castle** yang dibina pada kurun ke-9 yang kini masih digunakan sebagai kediaman dan pejabat rasmi Presiden Republik Czech. Di dalam kompleks ini, tetamu akan dibawa melawat **St. Vitus Cathedral**, **Old Royal Palace** yang pernah menjadi tempat raja ditabalkan, **St. George's Basilica**, Golden Lane yang meriah dengan rumah berwarna-warni milik tukang-tukang tempa emas dan **Daliborka Tower** yang dahulunya digunakan sebagai menara tinjau kawalan dan penjara. Seterusnya, tetamu akan menyusuri jambatan **Charles Bridge** yang merupakan mercu tanda signifikan yang mesti dilawati oleh setiap pelancong yang datang ke Prague menuju ke kawasan **Old Town** di mana tetamu berpeluang berfoto di menara jam **Astronomical Clock** yang unik sedari tahun 1410 lagi, **Jan Hus Memorial** yang diukir pada tahun 1910 sebagai memperingati jasa wira itu 500 tahun yang lampau dan juga **Old Town Hall** yang sungguh unik binaannya. Masa bebas untuk bersiar-siar atau membeli-belah barangan cenderamata di sini



#### Hari 5 SP + MM

##### BRATISLAVA - BUDAPEST

Selepas sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa melawat **Bratislava Castle** di mana tetamu berpeluang untuk berfoto di dalam kawasan taman istana ini dengan pemandangan menakjubkan kawasan sempadan 3 negara iaitu Slovakia, Austria dan Hungary. Di sebelahnya pula tersergam bangunan **National Council** yang menjadi tempat ahli parlimen negara ini bersidang. Melempi bangunan Grassalkovich Palace yang merupakan istana kediaman Presiden Bratislava dan bersiar-siar di **Old Town** yang popular dengan kepelbagaian seni bina bangunannya seperti **Opera House** dan arca-arca patung gangsa. Perjalanan diteruskan ke ibu kota negara Hungary, **Budapest** yang terdiri dari 2 bahagian bandar iaitu Buda dan Pest. Kota ini sering dijadikan lokasi penggambaran filem Hollywood kerana keindahan kotanya seperti Mission Impossible, James Bond dan Hercules. Setibanya di Budapest, tetamu mempunyai masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Vaci Street** dan **Central Market Hall**, sebuah kompleks pasar harian di mana tetamu boleh mendapatkan rempah seperti paprika dan saffron dengan harga yang cukup murah, buah-buahan kering, keju, cenderamata dan juga fabrik sulaman. Selesai membeli-belah, tetamu akan dibawa makan malam dan daftar masuk hotel.



#### Hari 6 SP + MM

##### BUDAPEST

Sarapan pagi di hotel dan memulakan lawatan di bandar yang cukup terkenal dengan kekayaan sejarah dan budaya ini. Tetamu akan dapat menikmati pemandangan panorama indah kota ini dari atas bukit **Gellert Hill** sambil melawat **Citadel** yang merupakan kota pertahanan dan juga simbol penyatuan rakyat Hungary di bawah pemerintahan komunis. Melawat **Heroes Square** di tengah kota yang menempatkan **Millennium Monument** dan arca patung-patung pemerintah terdahulu Hungary sejak dari zaman Han. Berfoto di bangunan yang menjadi ikon kota ini iaitu Hungarian Parliament Building yang siap dibina pada tahun 1904 dengan rekabentuk yang cukup menakjubkan dan kekal sebagai bangunan paling besar di Hungary. Makan tengahari dan menuju ke **Fisherman's Bastion**, sebuah teres unik di tebing Sungai Danube dengan 7 menara tinjau dan berfoto di **Buda Castle** yang dibina pada abad ke-14 dan pernah menjadi kediaman pemerintah kota ini zaman Medieval dan Uthmaniyyah. Akhirnya, tetamu akan diberi peluang menikmati pemandangan indah Buda dan Pest dari Danube River dengan menaiki **Duna Bella Cruise** tanpa sebarang bayaran tambahan lagi. Makan malam di restoran dan pulang semula ke hotel.



#### Hari 7 SP + MM

##### BUDAPEST - VIENNA

Usai bersarapan pagi di hotel, tetamu akan bertolak menuju ke ibu kota Austria iaitu **Vienna** yang gah dengan sejarah kerajaan Austria-hungary empayar Hofburg. Sejurus tiba, tetamu akan dibawa melawat sekitar kawasan taman istana **Schonbrunn Palace** yang maha luas dan saujana mata memandangi. Seterusnya melawat sekitar kawasan pentadbiran negara ini antaranya ialah **Hofburg Palace** yang merupakan kediaman rasmi dan pejabat Presiden Austria yang dahulunya kediaman keluarga diraja Hofburg, Maria Theresa Statue yang terletak di **Maria-Theresien-Platz** sambil diapit oleh 2 bangunan medieal **Natural History Museum** dan **Art History Museum** dan akhirnya ke **Wiener Rathaus** yang merupakan bangunan pejabat pentadbiran datuk bandar ini yang cukup Gothic rekaannya. Bersolat di **Vienna Islamic Centre**, masjid terbesar di Austria yang dibina oleh Raja Faisal dari Arab Saudi pada tahun 1975 sebelum diberi masa bebas di **Stephansplatz** dan **Karntnerstrasse** untuk membeli-belah di butik berjenama terkenal seperti Bucherer dan Swarovski serta

berpeluang merasai pengalaman menaiki kereta kuda dengan biaya sendiri di **St. Stephen's Cathedral**. Sekiranya masa mengizinkan, tetamu akan dibawa melawat ke **Hundertwasser "Kalke" Village**, rumah binaan seorang artis bernama Hundertwasser yang terkenal kerana tidak menggunakan prinsip garisan lurus dan merupakan tempat yang cukup menarik untuk bergambar dan membeli cenderamata. Seterusnya tetamu akan dibawa makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.



## Hari 8 SP + MM

### VIENNA - SALZBURG - MUNICH

Sejurus sarapan pagi, tetamu akan bertolak menuju ke Salzburg yang terkenal sebagai kota kelahiran komposer muzik legenda dunia iaitu Mozart dengan melalui kawasan tasik **Mondsee** yang menyediakan panorama Banjaran Alp yang cukup memukau. Setibanya di **Salzburg**, tetamu akan dibawa melawat **Mirabell Garden** yang terkenal sebagai lokasi penggambaran filem muzikal terkenal *The Sound of Music* dan juga disini terletak **Mirabell Palace**. Seterusnya menuju ke kawasan Mozart Square yang terletaknya tugu Mozart yang diukir pada tahun 1842 dan **Mozart Birthplace** yang dahulu merupakan rumah kelahiran komposer ini dan sekarang menjadi muzium yang memamerkan barangan dan instrumen peribadi beliau. Meneruskan perjalanan ke kota **Munich**. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.



## Hari 9 SP + MM

### MUNICH - SCHWANGAU - DACHAU

Selepas bersarapan pagi di hotel, bertolak menuju ke daerah **Schwangau** yang menempatkan 2 buah istana rehat musim panas keluarga diraja Bavaria zaman medieval iaitu **Hohenschwangau Castle** dan **Neuschwanstein Castle**. Tetamu akan dibawa masuk melawat ke **Neuschwanstein Castle** yang terletak di atas bukit dan keindahan seni bina istana ini telah menjadi sumber ilham kepada rekabentuk *Sleeping Beauty Castle* di Disneyland. Tetamu akan berpeluang melihat ruang makan, kamar dan dewan diraja yang dipenuhi dengan ukiran-ukiran yang hebat. Berdekatan dengan istana ini terletak **Marien Bridge**, sebuah jambatan gantung yang merupakan lokasi terbaik untuk melihat pemandangan penuh Neuschwanstein Castle yang menakjubkan. Kemudian tetamu akan dibawa melawat **Dachau Concentration Camp Memorial Site**, sebuah tapak peringatan kem tahanan Nazi ketika Perang Dunia ke-2 yang mana di dalamnya mempunyai muzium, koleksi foto dan blok sel tahanan yang menyimpan 1,001 cerita sadis. Lawatan diteruskan ke sekitar kota **Munich**. Antara yang menjadi tumpuan ialah **National Theatre**, rumah opera yang telah beroperasi selama 350 tahun dan terkenal dengan interior yang cukup mempesonakan, **Old Town Hall** yang terletak di **Marienplatz** iaitu pejabat pentadbiran bandaraya ini yang dibina pada 1470 dan **Glockenspiel** iaitu sebuah menara jam yang mempunyai sejumlah 32 patung dan 43 locong yang menari dan beraksi menyampaikan kisah-kisah sejarah yang berlaku di kota Munich yang terletak di **New Town Hall** yang bereka bentuk Gothic. Tetamu akan diberi masa bebas untuk membeli-belah barangan cenderamata di sini sebelum dibawa makan malam di restoran dan pulang ke hotel.



## Hari 10 sp

### MUNICH - ISTANBUL/MUSCAT

Sarapan pagi di hotel. Kemudian tetamu akan dibawa melawat ke **BMW Welt** yang memaparkan rekaan baru dan lama kereta jenama BMW sambil berpeluang mencuba permainan interaktif yang disediakan dan membeli cenderamata BMW. Seterusnya bersiar-siar di sekitar kawasan tasik dan stadium **Olympic Park** yang menjadi lokasi penganjuran Sukan Olimpik Munich 1972 sebelum bertolak menuju ke Lapangan Terbang Munich untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.



## Hari 11

### ISTANBUL/MUSCAT - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

## JADUAL PENERBANGAN DAN HARGA PAKEJ

### TURKISH AIRLINES



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	TK 61	KUALA LUMPUR - ISTANBUL	2355	0620
02	TK 1587	ISTANBUL - FRANKFURT	1050	1305
10	TK 1636	MUNICH - ISTANBUL	1745	0010
11	TK 60	ISTANBUL - KUALA LUMPUR	0155	1720

MAC

13

Kategori Harga	Dewasa Bilik Seorang	Dewasa Bilik Berdua	Kanak-Kanak Bilik Berdua	Kanak-Kanak Berkatil	Kanak-Kanak Tanpa Katil
Harga Normal	RM 8,990	RM 7,690	RM 7,390	RM 6,690	RM 5,990

**BELIAN JIMATI TRAVEL FAIR** RM **8,590** RM **7,290** RM **7,090** RM **6,390** RM **5,690**

## OMAN AIR



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	WY284	KUALA LUMPUR - MUSCAT	2110	0020
02	WY115	MUSCAT - FRANKFURT	0220	0705
10	WY124	MUNICH - MUSCAT	2215	0730
11	WY823	MUSCAT - KUALA LUMPUR	0855	1940

NOVEMBER

27

DISEMBER

7

Kategori Harga	Dewasa Bilik Seorang	Dewasa Bilik Berdua	Kanak-Kanak Bilik Berdua	Kanak-Kanak Berkatil	Kanak-Kanak Tanpa Katil
Harga Normal	RM 9,090	RM 7,790	RM 6,990	RM 6,290	RM 5,590
<b>BELIAN JIMATI TRAVEL FAIR</b>	RM <b>8,690</b>	RM <b>7,390</b>	RM <b>6,690</b>	RM <b>5,990</b>	RM <b>5,290</b>

## HOTEL PENGINAPAN

DESTINASI	TARAF	HOTEL
KARLOVY VARY	★★★★	Vienna House Dvorak / setaraf
PRAGUE	★★★★	Hotel DUO / setaraf
BRATISLAVA	★★★★	Hotel Devin / setaraf
BUDAPEST	★★★★	Novotel Budapest City / setaraf
VIENNA	★★★★	Austria Trend Eventhotel / setaraf
MUNICH	★★★★	Leonardo Munich City / setaraf

## PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan segala cukai penerbangan.
- Hotel penginapan bertaraf 4\* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) sekiranya memerlukan.
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Prague Castle dan Neuschwanstein Castle.
- Tiket menaiki Danube River Cruise di Budapest.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesai.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman di Prague, Bratislava, Budapest, Vienna, Salzburg dan Munich.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Perkuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.

## PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcay tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

## PEMBAYARAN & DEPOSIT

- Deposit diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan.
- Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas.
- Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Selamat Bercuti berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual.

HARGA PAKEJ	DEPOSIT	BAYARAN DEPOSIT	BAYARAN PENUH	CAJ ADMIN
Bawah RM 1999	RM 300	5 hari selepas tempahan disahkan	45 hari sebelum berlepas	RM 150
RM 2000 - RM 3999	RM 500			RM 250
RM 4000 - RM 5999	RM 1000			RM 500
RM 6000 - RM 7999	RM 1500			RM 700
RM 8000 & ke atas	RM 2000			RM 1000

- Semua pelanggan hendaklah mengemukakan bukti pembayaran secara Fax / email kepada kami.
- Bukti pembayaran bukanlah bukti penerimaan sehinggalah berjaya disahkan.
- Sila rujuk kepada terma & syarat tempahan Wan Vacation Sdn Bhd bagi maklumat pembatalan dan lain-lain.

**NO. AKAUN****NAMA BANK****NAMA AKAUN**

5647 6230 1896 MAYBANK BERHAD WAN VACATION SDN BHD

**MEDIUM TEMPAHAN****Laman Web**[www.selamatbercuti.com](http://www.selamatbercuti.com)**Panggilan Telefon**

Toll Free : 1800 18 2884 (CUTI)

**E-Mail**[booking@selamatbercuti.com](mailto:booking@selamatbercuti.com)**IBU PEJABAT****Alamat**221-1, Jalan Sarjana  
Taman Connaught  
56000 Kuala Lumpur, Malaysia**Waktu Operasi**Isnin - Jumaat 9 pagi - 5.30 petang  
Sabtu 9 pagi - 1 tengah hari  
Ahad Cuti